

8.1 Penggunaan cermin

1. Kita melihat imej kita dalam cermin setiap hari. Tahukah anda apakah jenis cermin yang kita guna setiap hari?
2. Cermin jenis ini ialah _____. Apakah jenis imej anda yang terbentuk dalam cermin satah itu? Imej sah atau imej maya?
3. _____ ialah imej yang terbentuk pada _____, manakala imej maya ialah imej yang _____.
4. Imej kita dalam cermin terbentuk di belakang cermin. Oleh itu, imej yang terbentuk pada cermin ialah _____.
5. Nyatakan imej yang terbentuk.

Rajah 8.1	
Rajah 8.2	



Aktiviti


8.2

Tujuan: Mengkaji ciri-ciri imej dalam cermin satah, cermin cekung, dan cermin cembung

Bahan dan radas: Cermin satah, cermin cekung, cermin cembung, kertas graf, lilin, pembaris.

Arahan

1. Letakkan sebatang lilin di atas sekeping kertas graf pada jarak 4 petak kertas graf daripada cermin satah seperti pada Rajah 8.4.
2. Perhatikan imej yang terbentuk. Adakah imej tersebut sama saiz atau lebih kecil atau lebih besar daripada objek?
3. Catatkan keputusan yang diperolehi dalam bentuk jadual di bawah.
4. Ulang langkah 1 hingga 2 dengan menggantikan cermin satah dengan cermin cekung dan cermin cembung.



Rajah 8.4

Berdasarkan aktiviti 8.2, bandingkan saiz imej yang terbentuk pada cermin-cermin tersebut dengan saiz objek

cermin	Imej yang terbentuk
Cermin satah	
Cermin cekung	
Cermin cembung	

Kemudian, bandingkan jarak imej dari satah dengan jarak objek daripada cermin satah.